

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 3/3/2016

Muka surat: 5

Tajuk : Bahasa Inggeris bermula di peringkat prasekolah

Tempatan

Khamis, 3 Mac 2016 **Utusan Borneo** /5

Bahasa Inggeris bermula di peringkat prasekolah

Program pemerksaan asas penguasaan bahasa Inggeris di kalangan kanak-kanak dijangka dilaksana tahun ini

Oleh Sandy Mark Luna

KUCHING: Program pemerksaan asas penguasaan bahasa Inggeris di kalangan kanak-kanak prasekolah dijangka akan dilaksanakan di Sarawak tahun ini.

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Datuk Fatimah Abdullah berkata, inisiatif itu adalah bagi memantapkan penguasaan asas bahasa Inggeris di kalangan kanak-kanak berusia lima hingga enam tahun sebelum mereka melangkah ke sekolah rendah.

"Kertas cadangan yang kini masih diperhalusi dijangka selesai dalam tempoh sebulan, sebelum dikemukakan kepada kabinet negeri bagi pengendoran (pengesyoran).

"Kita berharap dapat melaksanakannya tahun ini,



SIDANG MEDIA: Fatimah bertukar pendapat dengan Rosey (kanan). Turut kelihatan, Ibrahim (kiri).

bermula di daerah prasekolah yang didapati lemah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mesyuarat khas Majlis Pem-

angunan Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Bangunan Baitul Makmur, di Petra Jaya,

di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-

“Kita berharap dapat melaksanakannya tahun ini, bermula di daerah prasekolah yang didapati lemah.”

Datuk Fatimah Abdullah
Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga

Kanak dan Pembangunan Keluarga Rosey Yunus dan Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Prof Madya Dr Mohammad Ibrahim Safawi Mohammad Zain.

Fatimah memberitahu, program itu diadakan dengan kerjasama UNIMAS di mana universiti awam itu akan mengenal pasti daerah-daerah yang mempunyai jumlah kanak-kanak tertinggi yang belum dapat menguasai bahasa Inggeris.

Menurutnya, program itu akan mengguna pakai kaedah

'Smart.Phonics' yang terbukti keberkesannya dalam kanak-kanak yang mempunyai masalah membaca dan menulis dalam bahasa antarabangsa tersebut.

Asas itu perlu diperkukuh dari awal kerana kanak-kanak belajar bahasa lebih pantas pada umur lebih muda katanya.

Beliau menambah, bagaimanapun ia bukan menggantikan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan sedia ada kerana kaedah itu hanya memerlukan masa 20 minit bagi setiap sesi.